

Keunikan Jerai Geopark

TAHUN 2025 merupakan Tahun Melawat Kedah. Pelbagai aktiviti menarik telah diatur oleh kerajaan negeri Kedah sepanjang tempoh itu.

Terdapat banyak tempat pelancongan menarik di negeri Kedah, antaranya ialah Pulau Langkawi, Menara Alor Setar, Muzium Padi, Hutan Lipur Sungai Sedim, Tasik Pedu dan Kolam Air Panas Ulu Legong.

Namun, ada satu kawasan pelancongan yang barangkali ramai dalam kalangan kita yang tidak perasan iaitu Jerai Geopark.

Jerai Geopark terletak berhampiran bandar Sungai Petani. Secara umum, ia meliputi Gunung Jerai dan kawasan sekitarnya yang dijenamakan semula sebagai Jerai Geopark.

Luas kawasan Jerai Geopark ialah kira-kira 816 kilometer persegi. Ia merangkumi sebahagian Daerah Kuala Muda iaitu 417 kilometer persegi dan sebahagian Daerah Yan iaitu 399 kilometer persegi. Ia meliputi 501 kilometer persegi daratan dan 315 kilometer persegi kawasan laut.

Jerai Geopark telah diisytiharkan pada 18 Julai 2017. Maknanya, nama Jerai Geopark telah terpahat dalam peta negeri Kedah sejak lapan tahun lalu. Untuk sampai ke Jerai Geopark, orang ramai yang datang melalui Lebuhraya Utara - Selatan bolehlah keluar dari lebuh raya itu mengikut Persimpangan Sungai Petani.

Jerai Geopark mempunyai keunikan tersendiri. Ini kerana ia merupakan satu-satunya geopark dalam dunia merangkumi tiga gabungan aset warisan iaitu geologi, arkeologi dan ekologi.

Dari segi warisan geologi, Jerai Geopark mempunyai bukti tertua negara iaitu Formasi Jerai yang dipercayai berusia lebih kurang 550 juta tahun. Antara warisan arkeologi di Jerai Geopark pula ialah Tapak Arkeologi Sungai Batu yang merupakan tamadun tertua di Asia Tenggara dan Tapak Arkeologi Lembah Bujang.

Warisan ekologi pula wujud di Hutan Simpan Kekal Gunung Jerai dan Hutan Simpan Kekal Paya Bakau Sungai Merbok.

Hutan Simpan Kekal Gunung Jerai unik kerana mempunyai empat jenis hutan hujan khatulistiwa. Ia terdiri daripada hutan dipterokarp tanah rendah, hutan dipterokarp bukit, hutan dipterokarp pergunungan dan hutan gunung ericaceous.

Hutan Simpan Kekal Paya Bakau Sungai Merbok pula mengandungi pelbagai spesies hutan paya bakau. Walau pun hanya seluas kira-kira 3,076 hektar, ia ada lebih daripada 40 spesies hutan paya bakau dunia. Antaranya ialah pokok bakau minyak, bakau putih, berus mata buaya dan sebagainya.

**Dr Muhamad Asri Abdullah Kamar ialah Pensyarah Kanan, Program Perancangan Bandar dan Wilayah Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi, Kolej Pengajian Alam Bina Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak*



Tapak Arkeologi Sungai Batu yang merupakan tamadun tertua di Asia Tenggara antara warisan arkeologi yang terdapat di Jerai Geopark.